

Empangan Air Hitam hanya mampu bertahan 48 hari lagi



KEADAAN terkini di Empangan Air Hitam, Pulau Pinang yang hanya mencukupi untuk memenuhi keperluan di bandar Air Itam, Paya Terubong dan kawasan sekitarnya selama 48 hari sahaja lagi. - UTUSAN ONLINE

Safina Ramli

24 Mac 2019 2:22 PM

PULAU PINANG 24 Mac - Jumlah kapasiti simpanan air di Empangan Air Hitam di sini hanya mencukupi untuk memenuhi keperluan di bandar Air Itam, Paya Terubong dan kawasan sekitarnya selama 48 hari sahaja lagi.

Ketua Menteri, Chow Kon Yeow berkata, jika jumlah hujan tidak mencukupi, Empangan Air Hitam mungkin akan kehabisan air menjelang akhir bulan Mei 2019.

“Berikutan senario ini kerajaan negeri dan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) ingin merayu kepada penduduk di Air Itam dan Paya Terubong untuk menjimatkan dan mengurangkan penggunaan air harian mereka dengan segera.

“Kami menggesa rakyat untuk membantu kami mengurangkan purata pelepasan air harian dari Empangan Air Hitam,” katanya di sini hari ini. - UTUSAN ONLINE